

Penilaian Semula Modul Kursus Bahasa Arab di Fakulti Pengajian Islam, Program Eksekutif dan Program Pengajian Berterusan di Pusat Kembangan Pendidikan (PKP), UKM

Kod Projek: UKM-PTS-064-2010

^{1,3}Zamri Arifin (Ketua Projek), ²Faizol Azham Mohamed, ²Mohd. Shukari Hamzah,
²Salamiah Ab. Ghani & ²Zainuddin Ismail

¹Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam

²Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam

³Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

PENGENALAN / PERNYATAAN MASALAH

Pengajaran bahasa Arab di Malaysia telahpun bermula sejak kedatangan Islam lagi. Pada peringkat permulaan, pengajaran bahasa Arab bertujuan untuk memahami Islam dan melakukan ibadah. Namun begitu, pengajiannya terus berkembang di pusat-pusat pengajian Islam dan diajar dengan memberi tumpuan kepada kaedah bahasa iaitu pendekatan nahu dan sesuai dengan perkembangan semasa, sistem pendidikan Islam berubah kepada sistem sekolah yang memberi ruang yang luas kepada bahasa Arab.

Pengajarannya mula diperkenalkan dengan ilmu bahasa dan sastera serta kemahiran bahasa. Pelajar mempelajari bahasa Arab melalui subjek-subjek ilmu bahasa seperti nahu dan saraf, subjek sastera seperti sejarah sastera, *nusus* dan *balaghah*, subjek kemahiran bahasa seperti *insya'*, khat dan *ta'bir*. Selepas peringkat sekolah, ia diperkenalkan di institusi pengajian tinggi seperti di maktab, kolej dan universiti. Perkembangannya di peringkat ini menekankan kemahiran berbahasa dan ia ditawarkan sebagai bahasa untuk berkomunikasi. Terdapat juga universiti yang menawarkan program bahasa Arab peringkat ijazah. Pengajarannya bertujuan untuk penganugerahan ijazah sehinggalah ijazah doktor falsafah (Rosni Samah: 2009). Universiti Kebangsaan Malaysia antara universiti terawal yang menawarkan program tersebut melalui fakultinya iaitu Fakulti Pengajian Islam.

Fakulti Pengajian Islam telah menawarkan Program Pengajian Jarak Jauh mulai sesi 1998/1999 dan buat julung kali dalam sejarah penubuhan UKM, kursus bahasa Arab ditawarkan sebagai salah satu kursus yang perlu diikuti pelajar PJJ. Kursus ini dibahagikan kepada empat tahap iaitu PZ 1112 (Bahasa Arab I), PZ 1122 (Bahasa Arab II), PZ 1132 (Bahasa Arab III) dan PZ 1142 (Bahasa Arab IV). Namun begitu, mulai sesi 2000/2001, semua kursus ini telah ditukar nombor kodnya daripada PZ kepada PY dan pertukaran juga melibatkan nama kursus. Kursus PZ 1112 (Bahasa Arab I) ditukar kepada PY 1112 (*Mahārat al-Qirā'ah*), PZ 1122 (Bahasa Arab II) ditukar kepada PY 1122 (*Mahārat al-Muhādathah wa al-Khatābah*), PZ 1132 (Bahasa Arab III) ditukar kepada PY 1132 (*Mahārat al-Kitābah*) dan PZ 1142 (Bahasa Arab IV) ditukar kepada PY 1142 (*Mahārat al-Istimā' wa al-Fahm*).

Walaupun program Pengajian Jarak Jauh telah berjalan sejak beberapa tahun yang lalu namun masih terdapat beberapa isu mengenainya yang sering dibangkitkan sama ada di dalam mesyuarat, seminar, bengkel atau perbincangan. Isu ini bukan sahaja melibatkan para pelajar tetapi juga tenaga pengajar yang menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran terganggu.

Tujuan utama kajian ini ialah untuk membuat penilaian semula modul *Mahārat* yang ditawarkan oleh Pusat Kembangan Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia kepada pelajar Pengajian Jarak Jauh di pusat UKM, Bangi. Sebanyak tiga aspek yang menjadi fokus dalam kajian ini iaitu mengukur tahap keberkesanan modul *Mahārat* terhadap pelajar-pelajar Pengajian Jarak Jauh, membuat penilaian semula seterusnya mengenal pasti kekurangan yang terdapat dalam modul *Mahārat* dan melakukan penilaian secara umum terhadap metod pengajaran dan pembelajaran serta pendekatan yang digunakan oleh guru dalam semua kursus tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengukur tahap keberkesanan modul *Mahārat* terhadap pelajar-pelajar Pengajian Jarak Jauh.
2. Membuat penilaian semula seterusnya mengenal pasti kekurangan yang terdapat dalam modul *Mahārat*.
3. Melakukan penilaian secara umum terhadap metod pengajaran dan pembelajaran serta pendekatan yang digunakan oleh guru dalam kursus *Mahārat*.

METODE KAJIAN

1. **Soal selidik:** Kaedah ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada mahasiswa Pengajian Jarak Jauh khususnya yang mengambil modul *Mahārat* meliputi pelbagai peringkat umur, tahap pengajian dan sebagainya. Data kajian kemudiannya akan dianalisis menggunakan program komputer SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*).
2. **Temu bual:** Temubual yang digunakan ialah temubual tidak berstruktur yang dijalankan bersama dengan semua penyelaras modul *Mahārat*.

ULASAN KEPUSTAKAAN

Bahagian ini merupakan sorotan pengkaji tentang dua asas utama iaitu bahasa Arab dan Pengajian Jarak Jauh. Aspek bahasa Arab akan merangkumi sejarah kemasukan bahasa Arab di Malaysia, pengajaran bahasa Arab di Malaysia dan pendidikan bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi. Aspek program Pengajian Jarak Jauh pula merangkumi definisi PJJ, sejarah bermulanya PJJ di dunia, matlamat PJJ, kemasukan PJJ ke UKM dan turut dinyatakan beberapa kajian yang dilakukan berkenaan dengan PJJ. Pada bahagian akhir turut disertakan dengan kajian-kajian lepas berkenaan dengan Pengajian Jarak Jauh dan modul *Mahārat*.

Bahasa Arab pada hari ini sudah menjadi salah satu bahasa utama dunia setanding dengan bahasa-bahasa utama yang lain. Antara faktor yang menyumbang kepada penerimaan

dunia terhadap penggunaannya adalah kerana penyebarannya yang luas meliputi banyak negara dan jumlah penutur jatinya yang begitu besar. Dari segi penutur jati ini, ia mempunyai lebih kurang 186 juta orang penutur jati yang mendiami sebahagian besar negara-negara di Asia Tengah dan Afrika seperti Arab Saudi, Mesir, Jordan, Libya, Sudan, Syria, Iraq dan lain-lain (Zainur Rijal & Rosni Samah: 2007).

Menurut Wan Husain dan Haron (1985), bahasa Arab telah mula dikenali di Asia Timur sejak kurun ke-4 Masihi dengan adanya hubungan perdagangan. Rombongan perdagangan Arab telah datang ke Tanah Melayu pada kurun ke-7 iaitu pada tahun 674 M untuk menjalankan hubungan perdagangan. Rauf Shalbi (1983) pula menyatakan pendapat paling berasas ialah melalui pedagang Arab yang secara langsung bermula pada kurun pertama hijrah iaitu pada abad ke-7 dan ke-8 Masihi.

Seperti yang dimaklumi, Islam datang ke Tanah Melayu melalui pedagang-pedagang Islam yang berbangsa Arab. Bukan sahaja pertuturan mereka di dalam bahasa Arab, malah kitab suci al-Quran, hadis-hadis dan kitab-kitab ajaran Islam yang mereka bawa bersama juga adalah dalam bahasa Arab. Hal ini menyebabkan pengetahuan yang baik dalam kalangan masyarakat Melayu dalam bahasa Arab menjadi penting dalam usaha memahami segala ajaran Islam yang dibawa oleh para pedagang dan pendakwah Islam ini (Rosni Samah : 2009).

Setelah masyarakat Melayu pada ketika itu memeluk Islam, keperluan untuk memahami kewajipan-kewajipan dan hukum-hakam dalam Islam menjadikan mereka berlumba-lumba untuk mempelajari bahasa Arab. Bahkan, terdapat dalam kalangan masyarakat Melayu yang sanggup berhijrah ke Mekah khusus untuk tujuan itu. Pada zaman awal perkembangan Islam di Tanah Melayu, masyarakat Melayu yang baru memeluk Islam sentiasa mengelilingi orang Arab untuk mempelajari agama Islam dan bahasa Arab. Usaha ini menjadi lebih lancar apabila mendapat sokongan padu dari pihak istana yang juga telah memeluk Islam (Rosni Samah : 2009).

Sejajar dengan perkembangan Islam di Tanah Melayu, pengajaran bahasa Arab juga berkembang dengan begitu pesat. Tempat-tempat di mana pengajian-pengajian agama Islam dijalankan seperti di surau, madrasah dan istana, pengajaran bahasa Arab turut berlangsung. Situasi ini dapat dilihat kerana pengajian Islam dan bahasa Arab memang tidak dapat dipisahkan sama sekali. Walaupun tidak terdapat sistem pembelajaran yang khusus pada masa itu, namun aspek-aspek yang dipelajari telah dibahagikan mengikut subjek-subjek tertentu terutamanya nahu dan saraf dalam bahasa Arab (Zainur Rijal & Rosni Samah: 2007).

Apabila dilihat kembali perkembangan pengajian Arab pada masa dahulu, didapati bahawa sistem pendidikannya sentiasa berkembang dari satu tahap ke satu tahap. Sistem pengajaran bahasa Arab yang pada mulanya hanya berlangsung di surau atau istana mula mempunyai sekolah sendiri yang dikenali dengan “sekolah pondok”. Subjek-subjek baru seperti *balaghah*, *adab* dan *‘arud* mula ditambah bagi mengukuhkan pemahaman dan kemampuan pelajar dalam bahasa Arab. Begitulah seterusnya sehingga kini perkembangan pengajian bahasa Arab semakin pesat dan teratur selaras dengan perkembangan dan perubahan semasa. Semua ini adalah hasil dari kedatangan Islam ke Tanah Melayu lebih dari 700 tahun dahulu serta berkat kesungguhan masyarakat Islam terdahulu menyampaikan ajaran agama Islam di samping bahasa Arab dari satu generasi ke satu generasi yang lain (Zainur Rijal & Rosni Samah: 2007).

Perkembangan sistem pendidikan yang pesat di Malaysia masa kini menggambarkan betapa semua pihak termasuk kerajaan, masyarakat dan pihak swasta amat mengambil berat tentang perkembangan ilmu pengetahuan. Pengajaran bahasa Arab tidak terkecuali dalam mengalami perkembangan positif ini. Pengajaran bahasa Arab pada zaman dahulu di Malaysia bersifat tidak formal dan hanya diajarkan di pondok atau madrasah namun pengajaran ini berterusan dan berkembang dari semasa ke semasa hingga ke hari ini melalui sistem persekolahan yang lebih teratur dan sistematik (Zainur Rijal & Rosni Samah: 2007).

Walau bagaimanapun, sistem pondok ini masih terdapat di sesetengah tempat khususnya di negeri Kelantan dan Kedah tetapi dengan mengalami beberapa kemudahan ke arah kemodenan sama ada dari segi sistem pengajian, sukatan pelajaran yang khusus, kemudahan infrastruktur dan banyak lagi. Pada masa kini bilangan sekolah-sekolah pondok di Malaysia semakin berkurangan dan sebahagian besarnya telah berubah dari segi sistem pengajaran dan pentadbiran (Zainur Rijal & Rosni Samah: 2007)

Pendidikan bahasa Arab di peringkat institusi pengajian tinggi boleh dilihat seiring dengan pendidikan Islam. Pada peringkat permulaan, tujuan pendidikannya tidak banyak berubah dengan tujuan pendidikannya di peringkat sekolah-sekolah agama yang lebih fokus kepada tujuan memahami ilmu-ilmu agama. Pendidikan bahasa Arab di peringkat ini bertujuan untuk memahami kitab-kitab agama. Ia menjadi subjek asas dalam pengajian Islam dan pendidikannya lebih menjurus kepada kefahaman teks. Di peringkat ini juga pendidikannya tidak boleh dipisahkan dengan pendidikan Islam. Antara Institusi Pengajian Tinggi yang menawarkan pendidikan bahasa Arab ialah Fakulti Pengajian Islam, UKM, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Jabatan Bahasa Arab UM. (Zainur Rijal & Rosni Samah: 2007).

Namun tidak semua orang bernasib baik untuk melanjutkan pelajaran sebaik sahaja lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ataupun peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau apa sahaja peperiksaan yang setaraf dengannya. Walau pun begitu, ini tidak bermakna bahawa mereka yang tidak bernasib baik itu adalah disebabkan oleh kelayakan akademik yang tidak mencukupi, bahkan banyak di antara mereka yang melebihi daripada kelayakan minimum untuk boleh dipertimbangkan masuk ke IPTA tempatan. Di samping tempat yang terbatas di sesebuah institusi perkara ini juga disebabkan oleh sebab-sebab peribadi seseorang calon seperti kewangan dan juga keluarga yang menyebabkan mereka terpaksa meninggalkan pengajian terlebih dahulu untuk bekerja dan sebagainya (Md Noor Saleh:2000).

Oleh itu, PJJ diadakan bagi memberikan peluang kedua bagi mereka yang telah bekerja melanjutkan pelajaran untuk mendapatkan segulung ijazah dan secara tidak langsung PJJ tidak dapat dipisahkan dengan orang dewasa. Walau bagaimanapun, tidak semestinya orang dewasa sahaja yang mengikutinya tetapi sebahagian daripada kanak-kanak yang tinggal terpencil jauh dari sekolah ataupun atas sebab-sebab logistik dan sosioekonomi juga mengikuti pendidikan secara jarak jauh seperti yang dijalankan di Australia, British Columbia (Kanada), India, Zimbabwe dan di Indonesia (Md Noor Saleh:2000).

Menurut Holmberg (1990), istilah pengajian jarak jauh mencakupi berbagai-bagai bentuk pengajaran dan pembelajaran bagi semua peringkat pendidikan yang bukan di bawah penyeliaan berterusan oleh tutor bersama pelajar di dalam bilik kuliah atau tempat yang sama tetapi dirancang, dipandu dan diajar (tutorial dan kuliah) oleh kakitangan organisasi

Pengajian Jarak Jauh. PJJ bergantung kepada media komunikasi. Pembelajaran secara jarak jauh membawa maksud aktiviti pelajar manakala pengajaran jarak jauh ialah aktiviti organisasinya. Tiga elemen penting yang ditekan oleh Holmberg mengenai PJJ ialah pemisahan guru dengan pelajar, pengajaran dan pembelajaran yang dirancang dan disusun oleh organisasi PJJ dan penggunaan media komunikasi.

PJJ juga boleh didefinisikan sebagai satu bentuk pengalaman pendidikan yang tersusun yang melibatkan sebahagian besar daripada proses pengajaran dan pembelajaran berlaku semasa guru berjauhan dengan pelajar. PJJ juga dinyatakan sebagai pembelajaran yang terpisah daripada guru dan biasanya dibantu oleh bahan pembelajaran yang telah dirakam dan dipukul. Pelajar terpisah dari segi masa dan tempat tetapi masih mendapat panduan daripada guru (Yusup Hashim & Sharifah Alwiah: 1999).

Istilah PJJ baru diterima pakai di persidangan antarabangsa ke-12, International Council for Correspondence Education (ICCE) di Vancouver, Kanada dalam tahun 1982 dan menukarkannya kepada ICDE (International Council for Distance Education) walaupun perkara ini telah diketengahkan semenjak tahun 1974 lagi. Daripada kajian yang dibuat juga dapat disimpulkan bahawa trend yang jelas menunjukkan bahawa istilah PJJ digunakan selepas tahun 1973 (Md Noor Saleh: 2000).

PJJ dapat memenuhi pelbagai keperluan pelajar termasuk pelajar yang tidak mendapat tawaran untuk mengikuti kursus sepenuh masa di IPT, mereka yang sedang bekerja dan ingin meningkatkan kelayakan mereka, mereka yang ingin menceburi dalam sesuatu bidang pengkhususan dan mereka yang ingin belajar kerana minat. Proses pengajaran dan pembelajaran berlaku walaupun pelajar dan pengajar terpisah dari segi jarak dan masa (Md Noor Saleh: 2000).

Pengajian Jarak Jauh telah berkembang lebih daripada 30 tahun di Malaysia. Universiti Sains Malaysia telah berjaya mempelopori program PJJ dan menjadi IPT pertama dalam menawarkan pendidikan secara jarak jauh mulai tahun 1971. Ini diikuti pula oleh IPT lain termasuk ITM (Institut Teknologi Mara) yang menawarkan kursus-kursus peringkat diploma dalam bidang-bidang pentadbiran awam, pengajian bank dan pengajian perniagaan. Kemudian, diikuti pula oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1994 dengan penawaran Ijazah Sarjana Perubatan Keluarga dan pada tahun 1996, Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik) dan lain-lain tawaran (Yusup Hashim & Sharifah Alwiah Alsagof: 1999). Seterusnya, PJJ terus berkembang di Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun 1990, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada tahun 1996, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaya (UM) (Md Noor Saleh:2000).

Program Pengajian Jarak Jauh UKM telah diperakukan sejak 1994 dan menawarkan pelbagai program ijazah. Pendaftaran bagi kumpulan pelajar yang pertama berlangsung pada Oktober 1996. Pada awalnya, program PJJ UKM hanya ditawarkan oleh empat fakulti iaitu Fakulti Sains Matematik, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan dan Fakulti Ekonomi. Tetapi, pada masa kini, program PJJ UKM telah berkembang dengan begitu pesat dan melibatkan hampir semua fakulti di UKM. Program Pengajian Jarak Jauh menggunakan program yang sama seperti yang digunakan oleh pelajar sepenuh masa di kampus. Bentuk penyampaian adalah di fasa

pertama iaitu melibatkan bahan bercetak dan pita rakaman sebagai bentuk utama penyampaian.

Bagi Program Pengajian Jarak Jauh di Universiti Kebangsaan Malaysia, kuliah dikendalikan pada hujung minggu dengan kekerapan pertemuan sebanyak empat kali bagi setiap semester (setiap kali antara empat hingga enam jam) untuk setiap kursus. Dengan purata antara enam hingga tujuh kursus yang ditawarkan setiap semester, perkuliahan akan diadakan hampir setiap minggu.

Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan untuk mengkaji sejauhmana keberkesanan pengajaran dan pembelajaran secara Jarak Jauh dan antaranya seperti yang telah dibentangkan pada Seminar Kebangsaan Pengajian Jarak Jauh, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 31 Oktober – 1 November 2000. Menurut Zamri Arifin dan Hakim Zainal dalam kertas seminar mereka yang bertajuk “Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Bahasa Arab Menerusi Jarak Jauh di Fakulti Pengajian Islam, UKM, terdapat banyak permasalahan yang dihadapi tenaga pengajar dan juga pelajar yang mengikuti kursus bahasa Arab yang ditawarkan Fakulti Pengajian Islam secara PJJ. Antara permasalahan yang dapat dilihat ialah para pelajar yang mengikuti kursus bahasa Arab begitu lemah sekali dari segi penguasaan bahasa mereka berbanding dengan pelajar yang mengikuti kursus yang sama di dalam kampus. Selain itu, terdapat juga keluhan tenaga pengajar yang mengatakan bahawa pelajar PJJ tidak membaca modul sebelum menghadiri perjumpaan atau kuliah. Di samping keluhan tenaga pengajar, para pelajar juga ada melaporkan beberapa perkara yang perlu diperbaiki oleh pentadbiran Pusat PJJ, UKM. Antaranya ialah pihak PJJ tidak menyediakan bahan rujukan yang sesuai dan mencukupi untuk pembelajaran mereka seperti kamus.

Idris Abdulah (2000) dalam kertas seminar beliau yang bertajuk “Permasalahan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Kalangan Penuntut PJJ, UKM: Satu Tinjauan”, antara permasalahan yang dapat dikenalpasti ialah bagi permasalahan pengajaran dibahagikan kepada dua bahagian iaitu permasalahan dalaman dan luaran. Contoh permasalahan dalaman ialah kebolehan setiap penuntut tidak sama antara satu sama lain yang menyukarkan pengajar menyampaikan pengajarannya. Sementara itu, masalah luaran pula ialah antaranya keadaan sekeliling yang tidak membantu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab seperti tidak terdapat mereka yang menggunakan bahasa Arab semasa berbual di mana-mana sekalipun.

Bagi proses pembelajaran pula terdapat banyak masalah yang perlu diatasi antaranya ialah sikap cuai pelajar itu sendiri. Hal ini kerana, sebahagian pelajar belajar sambil lewa dan tidak dengan sepenuh hati. Di samping itu, pernah juga berlaku pelajar-pelajar belajar dengan tiada bekalan modul dari pihak PJJ dan modul tersebut hanya sampai kepada pelajar setelah kuliah kedua. Bagi sesetengah tempat pula pelajar-pelajar menghadapi masalah untuk berbincang antara satu sama lain disebabkan jarak antara seorang pelajar dengan pelajar yang lain begitu jauh sekali sebagaimana yang berlaku di Pusat Wilayah PJJ Sarawak. Untuk menghadiri kuliah pula, mereka terpaksa memandu berjam-jam lamanya dan keadaan ini membuatkan mereka letih dan akhirnya menyebabkan mereka tidak berupaya untuk belajar dengan baik. Keadaan ini akan bertambah sukar apabila berlaku pertukaran masa dan tempat sedangkan maklumat mengenainya lambat sampai kepada mereka. Sebagai pelajar yang telah berumah tangga, masalah keluarga juga menjadi penyebab kepada kegagalan seseorang pelajar itu dalam pelajarannya.

Ahmad Hifni (2005) dalam tesis beliau yang bertajuk “Usaha-usaha ke-arrah mempermudah pengajaran tatabahasa Arab dan penerapannya dalam kurikulum bahasa Arab di Fakulti Pengajian Islam, UKM” mengkaji modul *Mahārat al-Muhādathah wa al-Khatābah*. Namun begitu, kajian beliau lebih tertumpu kepada aspek tatabahasa di dalam modul tersebut. Hasil daripada kajian beliau mendapati banyak perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai dalam bidang pengajaran bahasa Arab di FPI. Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian analisis kurikulum yang diterapkan, kajiselidik dan observasi kelas, penulis mendapati pengajaran dan pembelajaran tatabahasa ini masih perlu disemak dan disempurnakan.

Zamri Arifin dan Zainuddin Ismail (2010) dalam kertas kerja mereka yang bertajuk “Kemahiran bertutur kursus PBJJ: Antara objektif dan realiti” membincangkan sejauh mana objektif yang sepatutnya digariskan bagi kemahiran ini mampu dicapai oleh pelajar yang mengikuti kursus ini secara “jarak jauh” dengan jam pertemuan hanya lapan jam dalam satu semester. Kertas kerja ini turut membincangkan tentang bentuk peperiksaan yang sesuai bagi menilai kemampuan pelajar yang mengambil kursus ini. Hasil daripada kajian ini, penulis menjumpai dua penyelesaian yang agak praktikal iaitu yang pertama ialah pengalaman Universitas Terbuka Indonesia melalui artikel yang ditulis bersama oleh tenaga pengajarnya Suratinah dan Juhana yang bertajuk ‘*Making the impossible becomes possible: Teaching Speaking Through Distance Learning*’. Keinginan mereka yang bersungguh untuk mencari yang terbaik telah membuat mereka mengubah cara penilaian dan pendekatan kursus serta bahan pengajaran agar sesuai dengan kursus kemahiran bertutur. Penambahbaikan diperkenalkan, antaranya ialah menyediakan modul dalam bentuk audio yang dirakamkan dan diberikan kepada pelajar bersama modul bertulis mereka. Penilaian pelajar turut mengambil bentuk baru iaitu dengan kerjasama universiti berhampiran dengan pusat pengajian jarak jauh. Universiti tempatan diminta agar menyediakan tenaga pengajar yang berkelayakan dan para pemeriksa telah diberi kursus khas untuk menilai kemahiran bertutur.

Kedua ialah dengan cara *audiotaped dialogue journals* yang dibincangkan oleh Yen-kuang Ho dalam artikel beliau yang bertajuk ‘*Audiotaped dialogue journals, an alternative form of speaking practice*’. Pelajar diminta untuk merakamkan pertuturan mereka selama dua hingga tiga minit dan rakaman tersebut akan direspon oleh guru dalam bentuk lisan.

PENCAPAIAN PROJEK (OUTPUT)

Penerbitan (Makalah dalam Prosiding)

1. Zamri Arifin & Siti Hafsyah Idris. 2011. Penilaian Semula Modul Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah di Fakulti Pengajian Islam, UKM. *Prosiding Kongres Pengajaran & Pembelajaran UKM 2011*.

Persidangan/Bengkel

1. Kongres Penjaran dan Pembelajaran UKM 2011. 17-20 Disember 2011. Hotel Vistana, Pulau Pinang.

Modal Insan

1. Siti Hafsyah Idris. 2011. Penilaian Semula Modul Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah di Fakulti Pengajian Islam.. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. (tamat)
2. Nor Azniza Ismail.2011. Penilaian Semula Modul Maharat al-Qira'at di Fakulti Pengajian Islam, UKM. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. (tamat)
3. Muhamad Nor Shahrul Mansor. 2011. Penilaian Semula Modul Maharat al-Kitabah dan Maharat al-Istima' wa al-Fahm di Fakulti Pengajian Islam, UKM. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. (tamat)

PERBELANJAAN

:: Maklumat Kewangan Penyelidikan

[\[Kembali ke atas \]](#)

Kod Penyelidikan : UKM-PTS-064-2010

Sehingga Tarikh : 20/03/2012

VOTE	Agihan	Tambah / Kurang	Viremen	Peruntukan Terlaras	Komitmen	Belanja	Baki
2011	Disember						
V21000	Travel & Transportation	0.00	0.00	0.00	0.00	-1,210.00	1,210.00
V26000	Research Materials & supplies	0.00	0.00	0.00	0.00	2,190.20	-2,190.20
V29000	Special Services	0.00	0.00	0.00	0.00	1,496.00	-1,496.00
Jumlah Bagi Tahun : 2011		0.00	0.00	0.00	0.00	2,476.20	-2,476.20
2010	Disember						
V00000	Miscellaneous	5,500.00	0.00	0.00	5,500.00	0.00	5,500.00
V21000	Travel & Transportation	0.00	0.00	0.00	0.00	1,210.00	-1,210.00
V26000	Research Materials & supplies	0.00	0.00	0.00	0.00	370.85	-370.85
Jumlah Bagi Tahun : 2010		5,500.00	0.00	0.00	5,500.00	1,580.85	3,919.15
Jumlah Keseluruhan :		5,500.00	0.00	0.00	5,500.00	4,057.05	1,442.95

RUJUKAN

- Abdul Aziz Abdul Talib. 1993. *Menguji kemahiran bahasa: Prinsip, teknik dan contoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Hifni Muhammad Ali. 2005. *Usaha-usaha ke arah mempermudah pengajaran tatabahasa Arab dan penerapannya dalam kurikulum bahasa Arab di Fakulti Pengajian Islam UKM*. Tesis Ph. D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Mahdzan Ayob. 1985. *Kaedah penyelidikan sosioekonomi: satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ahmad Mahdzan Ayob. 1992. *Kaedah penyelidikan sosioekonomi*. Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Pangidon Nasution Mandily, Arnida A. Bakar, Lubna Abd Rahman & Wan Azura Wan Ahmal. 2006. *Pendekatan dan strategi efektif dalam penguasaan bahasa Arab*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ary, D. Jacob, L.C & Razaveich, A. 1979. *Introduction to research in education*. New York : Holt, Rinehart & Winston.
- Carroll, M. Kevin O. 1993. Advanced oral radiographic techniques part I: occlusal and lateral oblique projections.
- Cates, W.M. 1985. *A practical guide to educational research*. Inc., Engewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Cronbach, Lee J. 1970. *Essentials of psychological testing*. Ed. Ke-3. New York: Harper and Row.
- Haji Mohidden. 1998. Second language teaching and learning from an Islamic perspective. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Islamisasi Pendidikan: Menangani cabaran. Jabatan Pendidikan. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Holmberg, Borje. 1990. *A bibliography of writings on distance education*. West Germany: Fern Universitat.
- Idris Abdullah. 2000. Permasalahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di kalangan penuntut PPJ UKM: satu tinjauan. Kertas kerja Seminar Kebangsaan PJJ 2000. Anjuran Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor, 31 Oktober-1 November.
- Jamaliah Mohd Ali. 1988. Kemahiran mendengar dan bertutur. Kertas kerja Seminar Bahasa Arab. Kuala Lumpur, 9 – 10 Nov.
- Kamarudin Hj. Husin. 1998. *Pedagogi bahasa: Perkaedahan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan*. 2005 . Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md. Noor Saleh. 1999. *Pendidikan jarak jauh*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Mohd Majid Konting. 1990. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panduan prasiswazah sesi akademik 2008-2009 (FPI). 2008. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rauf Shalabi. 1983. *Al-Islam fi arkhabil al-Malayu*. Ed. Ke-2. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Rosni Samah. 2009. *Isu pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni Samah & Zainur Rijal Abdul Razak. 2007. *Kesan bahasa Arab dalam peradaban Melayu di Malaysia*. Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Samsudin Wahab. 2006. *Eksekutif efektif*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Samsudin Wahab. 2007. *Belajar berucap*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Siaciwena, R. M. C. 1989. Staff attitudes towards distance education at the University of Zambia. *Journal of Distance Education*, 5 (2): 47-62.
- Siri Risalah Panduan Guru Bahasa Melayu*. (1992). Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM): Teknik pengajaran Bahasa Melayu II. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Sulaiman Masri, Mashudi Bahari & Juliliyana Mohd Junid. 2007. *Bahasa Melayu: Rujukan menengah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Syarifah Alwiah Alsagoff & Yusup Hashim. 1999. *Pendidikan jarak jauh: Teori dan amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Husain Azmi & Haron Din. 1985. *Al-Dakwah al-Islamiyyah fi Maliziya Dzuhuruha wa Intisharuha*. Kuala Lumpur: Penerbit Jaafar Sidek Salam.
- Zamri Ahmad, Ibtisam Abdullah & Khazri Osman. 2010. *Mahārat al-Muhādathah wa al-Khatābah* PPPY1122. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Arifin & Hakim Zainal. 2000. Pengajaran dan pembelajaran kursus “bahasa Arab” menerusi jarak jauh di FPI. Kertas kerja Seminar Kebangsaan PJJ 2000. Anjuran Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor, 31 Oktober-1 November.